



PENILAIAN PENGURUSAN PERKAHWINAN WARGA NEGARA ASING BERAGAMA ISLAM DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM

EVALUATION OF THE MARRIAGE MANAGEMENT OF FOREIGN CITIZENS OF MUSLIM RELIGION FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC LEGISLATION

^{1,*} Zulfaqar Mamat, ¹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ¹ Ahmad Syukran Baharuddin, & ¹ Lukman Abdul Mutalib

¹ Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

*Corresponding author. E-mail: zulfaqar@usim.edu.my

ABSTRACT

There are various categories of foreigners who come to Malaysia. Some of them come legally and some come illegally. When they want to get married in this country there are procedures that need to be followed involving the process of marriage management which sometimes poses a constraint for them. As a result, there are foreigners who conduct marriages among themselves through “*jurunikah*” appointed among them, without any confirmation and control from any authority. This study will focus on the basic guidelines that should be a guide to policy makers related to the management of marriages of Muslim foreigners in this country in considering and formulating appropriate guidelines in managing the marriages of foreigners in accordance with Islamic legal policies outlined in various sources of Islamic law. This study uses a qualitative method based on the collection and analysis of data obtained from books, enactments and acts, articles, and relevant newspapers. The study found that in general, marriage management in Malaysia (including foreigners residing in the country) has looked at various aspects and considerations in ensuring that marriage registration is orderly and systematic and Islamic law is also maintained. However, there are still areas that can be improved to ensure the administration and management of foreign marriages in Malaysia is more tidy and easier by considering the needs of *siyasah syariyyah*, *maqasid syariah*, the principles of *usul fiqh* and appropriate *fiqh* methods.

Keywords: Marriage management, *siyasah syariyyah*, *maqasid syariah*, method of *fiqh*

Cite as: Mamat, Z., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2022). Penilaian Pengurusan Perkahwinan Warga Negara Asing Beragama Islam Dari Perspektif Perundangan Islam: Marriage Management of Muslim Foreign Citizens from the Perspective of Islamic Law: An Evaluation. *AL-MAQASID The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 4(1), 15-27. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v4i1.34>

© The Author(s) (2023). Published by Intelligentia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact intelligentia.resources@gmail.com.



ABSTRAK

Terdapat pelbagai kategori warga negara asing yang datang ke Malaysia. Ada yang datang secara sah dan ada yang datang secara haram. Apabila mereka ingin berkahwin di negara ini terdapat prosedur yang perlu diikuti melibatkan proses pengurusan perkahwinan yang kadang-kadang menimbulkan kekangan buat mereka. Hasilnya terdapat warga negara asing yang menjalankan perkahwinan sesama mereka melalui jurunikah yang dilantik di kalangan mereka, tanpa ada pengesahan dan kawalan daripada mana-mana pihak berkuasa. Kajian ini akan memfokuskan kepada garis panduan asas yang sepatutnya menjadi pedoman kepada pembuat dasar berkaitan pengurusan perkahwinan warga negara asing beragama Islam di negara ini dalam menimbang dan merangka panduan yang sesuai dalam mengurus perkahwinan warga negara asing tersebut mengikut dasar perundangan Islam yang telah digariskan dalam sumber-sumber syariat Islam yang pelbagai. Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang berasaskan kepada pengumpulan dan analisis data yang diperoleh daripada buku, enakmen dan akta, artikel serta akhbar yang berkaitan. Kajian mendapati secara amnya pengurusan perkahwinan di Malaysia (termasuk kepada warga asing yang menetap di negara ini) telah melihat pelbagai aspek dan pertimbangan dalam memastikan pendaftaran perkahwinan adalah teratur dan bersistematik dan hukum syarak juga terjaga. Walau bagaimanapun masih ada lagi ruang-ruang yang boleh ditambah baik bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan perkahwinan warga asing di Malaysia lebih kemas dan memudahkan dengan mengambil kira keperluan *siyasah syariyyah*, *maqasid Syariah*, prinsip *usul fiqh* dan kaedah *fiqh* yang sesuai.

Kata kunci: Pengurusan perkahwinan, *siyasah syariyyah*, *maqasid syariah*, kaedah *fiqh*

Pendahuluan

Malaysia merupakan salah satu negara di Asia Tenggara yang menjadi tumpuan penghijrahan warga negara lain sama ada untuk belajar, bekerja, pelarian, pencari perlindungan dan sebagainya. Kedatangan warga negara asing ke Malaysia dari beberapa negara mendatangkan kesan yang positif kepada ekonomi negara, tetapi dalam masa yang sama beberapa kesan lain turut memberi impak kepada negara termasuklah dalam isu perundangan dan perhubungan sosial.

Artikel ini akan membincangkan salah satu aspek dalam perhubungan sosial dan perundangan yang berlaku iaitu pengurusan perkahwinan warga negara asing beragama Islam di Malaysia sama ada dengan masyarakat tempatan atau di kalangan mereka sendiri.

Untuk tujuan tersebut, artikel ini akan menumpukan senario yang kerap berlaku dalam pengurusan perkahwinan warga negara asing beragama Islam, menerangkan dasar perkahwinan yang perlu dipenuhi, undang-undang yang perlu diikuti serta garis panduan umum dalam menguruskan perkahwinan tersebut supaya selaras dengan syariat dan harmoni pula dengan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.



Permasalahan Kajian

Warga negara asing yang datang ke Malaysia ada yang telah berkahwin di negara asal dan ada yang masih bujang. Bagi mereka yang mempunyai kebenaran secara sah untuk tinggal di negara ini secara amnya tiada masalah untuk berkahwin, cuma perlu mengikuti beberapa prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam yang ada di setiap negeri. Walau bagaimanapun, bagi warga negara asing yang datang sebagai secara haram atau mencari perlindungan di negara ini yang tidak diiktiraf status mastautin mereka, maka di sana terdapat kekangan dalam pengurusan perkahwinan mereka.

Sebagai contohnya, pelarian Rohingya yang datang ke Malaysia dalam jumlah yang besar kebelakangan ini disebabkan penindasan yang berterusan oleh Junta Myanmar. Mereka pada kebiasaannya melalui sempadan Thailand tanpa dokumen yang lengkap justeru mengakibatkan kesukaran bagi pihak Kerajaan Malaysia dalam menangani isu ini. Kerajaan Malaysia pula secara dasarnya tidak memberi pengiktirafan kepada golongan pelarian disebabkan tidak menjadi ahli yang menandatangani Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan juga Protokol 1967. Ketidakpastian status ini seterusnya membawa kepada kekaburan hak dan perlindungan dalam beberapa aspek lain melibatkan pendidikan formal kanak-kanak pelarian, kesihatan, pekerjaan dan pengangguran, status perkahwinan pelarian dan pendaftaran anak-anak mereka yang dilahirkan di negara ini, serta beberapa isu lain seperti keselamatan, penempatan dan sebagainya (Tan Pok Suan, 2006).

Kekangan yang berlaku menyebabkan mereka menjalankan perkahwinan sesama mereka melalui jurunikah yang dilantik di kalangan mereka, tanpa ada pengesahan dan kawalan daripada mana-mana pihak sehingga boleh didapati di pasar-pasar malam (Utusan Malaysia, 2017).

Selain isu perkahwinan sesama mereka, ada juga kes melibatkan perkahwinan pelarian dengan orang tempatan dan warga asing yang lain. Dalam sebuah kes yang dilaporkan, pernikahan antara seorang gadis dari Perak dengan seorang pelarian Myanmar yang statusnya disahkan oleh UNCHR tidak dapat dilakukan kerana berdasarkan Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], seseorang pelarian yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri (yang sah) tidak dibenarkan berkahwin dengan warganegara Malaysia. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) selaku pihak berkuasa agama juga memberikan jawapan yang sama kerana dokumen identiti pelarian yang tidak diiktiraf di negara ini (Malaysiakini, 2011).

Status perkahwinan yang diragui ini memberi kesan kepada hukum perkahwinan itu sendiri kerana ia mungkin menjadi tidak sah jika tidak memenuhi syarat-syarat perkahwinan yang ditetapkan dalam syariat Islam.

Dasar Perkahwinan dalam Islam

Keperluan untuk berpasangan (berkahwin) antara lelaki dan perempuan merupakan fitrah insani yang dikurniakan Allah S.W.T kepada manusia sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Rum, ayat 21:



Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

(Al-Qur'an. Al-Rum 30:21)

Galakan untuk berkahwin juga jelas melalui hadis Nabi SAW yang menggesa para pemuda yang berkemampuan untuk berkahwin. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Wahai para pemuda, sesiapa yang berupaya di kalangan kamu untuk berkahwin, maka hendaklah ia berkahwin sebab perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kehormatan. Dan barang siapa yang tidak berkemampuan, hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu menjadi perisai baginya.”

(Riwayat al-Bukhari)

Jumhur fuqaha meletakkan hukum perkahwinan ini adalah sunat pada asalnya, tetapi ia boleh berubah menjadi hukum lain sekiranya tujuan dan matlamat asal perkahwinan tersebut berubah.

Perkahwinan juga ada rukun dan syaratnya yang mesti dipenuhi untuk menjadikan perkahwinan tersebut sah menurut hukum syarak. Rukun perkahwinan ada lima perkara, iaitu:

- i. Pengantin Lelaki (suami)
- ii. Pengantin Perempuan (isteri)
- iii. Wali
- iv. Dua orang saksi
- v. Ijab dan Kabul

Selain perkara yang terdapat pada rukun nikah seperti yang dinyatakan di atas, terikat pula dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan dan mesti dipenuhi menurut aturan hukum syarak, maka di sinilah, penentuan syarat sah sesuatu perkahwinan diaplikasikan dan diguna pakai (Mat Saad Abd. Rahman, 1993).

Antara sebab yang memungkinkan perkahwinan warga negara asing beragama Islam dikhuatiri tidak sah ialah kerana ia dinikahkan oleh sindiket atau imam di kalangan mereka sendiri yang tidak diketahui keabsahan ilmunya. Selain itu, terdapat juga kes melibatkan kahwin lari tanpa kebenaran wali dan perkahwinan mengikut mazhab lain yang perlu dibuktikan kesahihannya di mahkamah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di beberapa negeri di sekitar Lembah Klang dalam melaksanakan perkahwinan warga asing yang berstatus pelarian dan yang seumpamanya mendapati pendirian yang diambil oleh Jabatan Agama Islam bukanlah sesuatu yang mudah. Ini



kerana mereka perlu melihat pelbagai sudut sebelum perkahwinan pelarian yang menetap di sesebuah negeri itu dianggap sah dan boleh didaftarkan menurut undang-undang (Mamat & Razali, 2020).

Berikut merupakan beberapa garis panduan asas menurut ilmu *fiqh* yang boleh dipertimbangkan dalam mengurus perkahwinan warga negara asing beragama Islam di Malaysia agar lebih sistematik, teratur dan mematuhi kehendak syarak.

Siyasah Syariyyah dalam Undang-Undang Perkahwinan di Malaysia

Secara umumnya, perkahwinan dan perceraian bagi penganut beragama Islam adalah sebahagian daripada undang-undang peribadi dan keluarga yang terletak dalam bidang kuasa legislatif Kerajaan Negeri berdasarkan Item 1 Senarai Kedua (Senarai Negeri) di Jadual Ke Sembilan, Perlembagaan Persekutuan 1957. Justeru, perundangan berkaitan perkahwinan dan perceraian termasuklah bagi warga negara asing yang bermastautin di negara ini adalah sebahagian bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bidang kuasa ini ditadbir dan dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri melalui undang-undang keluarga Islam dalam bentuk Enakmen di negeri-negeri di Semenanjung, Akta yang serupa bagi Wilayah Persekutuan dan Ordinan bagi Sabah dan Sarawak.

Dalam Enakmen/Akta/Ordinan itu ada disebutkan berkaitan dengan perkahwinan itu sendiri melibatkan orang yang boleh mengakadnikahkan perkahwinan, rukun-rukun dan syarat-syarat yang mesti diikuti dalam perkahwinan, pendaftaran sesuatu perkahwinan dan sebagainya. Perkahwinan yang melibatkan warga negara asing beragama Islam di Malaysia juga tertakluk kepada Enakmen/Akta/Ordinan yang diguna pakai di negeri-negeri di Malaysia. Ini bermaksud warga negara asing yang ingin berkahwin di negara ini perlu memenuhi dan mematuhi perkara yang dinyatakan dalam Enakmen/Akta/Ordinan tersebut.

Antara perkara yang dititikberatkan dalam proses perkahwinan ini ialah penentuan kategori warga negara asing yang boleh atau dibenarkan berkahwin di Malaysia dan syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh warga negara asing berkenaan .

Memandangkan isu berkait perkahwinan warga negara asing melibatkan pihak berkuasa lain juga khususnya Jabatan Imigresen maka peraturan berkait pengurusan perkahwinan mereka perlu diselaraskan untuk memastikan hanya warga negara asing yang betul-betul memenuhi syarat yang ditetapkan sahaja dibenarkan berkahwin di negara ini.

Pentadbiran dan pengurusan perkahwinan yang dijalankan ini dikenali sebagai *siyasah syariyyah* dalam ilmu *fiqh*. Abdul Wahab Khallaf (1982) menyatakan *siyasah syariyyah* ialah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sesebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berasaskan kepada asas-asas Islam atau mentadbir urusan umum negara Islam dengan cara yang membawa kebaikan kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada kemudaratan, tanpa melanggar sempadan syarak dan asas-asas umum walaupun dalam perkara yang tidak disepakati oleh ulama *mujtahidin*.

Oleh itu perbincangan *siyasah syariyyah* di kalangan para fuqaha ialah sistem peraturan dan undang-undang yang diwujudkan dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan



asas-asas agama bagi menjamin pencapaian kemaslahatan kepada manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudaratannya dunia dan akhirat.

Jadi, menurut *siyāsah syariyyah* pemerintah di Malaysia boleh menggubal undang-undang atau mengadakan peraturan perkahwinan yang bertujuan untuk memastikan warganegara dan masyarakat yang hidup di dalamnya dapat berkahwin dengan teratur dan terjamin haknya semasa dan selepas perkahwinan.

Antara peraturan yang diwujudkan kerajaan Malaysia berkaitan urusan perkahwinan termasuk warga asing ialah Garis Panduan Bagi Prosedur Pentadbiran Perkahwinan, Perceraian dan *Ruju'* (t.th.) yang dibangunkan secara bersama oleh beberapa agensi kerajaan yang diurus setia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Dalam garis panduan ini menyatakan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan *Ruju'* dalam melaksanakan Akta/Enakmen/Ordinan mengenai perkahwinan, perceraian dan *ruju'* yang ada di negeri-negeri.

Maqasid Syariah dalam Perkahwinan Warga Asing

Ibn Asyur (1998) mendefinisikan *maqasid* syariah sebagai "segala pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hukum yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besarnya" Sementara al-Raisuni (1992) menyatakan *maqasid* syariah ialah "matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa syariat yang *ditaklifkan* kepada manusia oleh Syari' (Allah S.W.T) sememangnya mempunyai objektif tertentu dalam penentuan sesuatu hukum. Melalui definisi di atas dapat dilihat dengan jelas, para ulama telah bersependapat bahawa hukum syarak itu mengandungi hikmah dan *maqasidnya* yang tersendiri. Hukumnya berkisar mengenai tata-cara menjaga kemaslahatan manusia di dunia hinggalah ke akhirat.

Al-Shatibi (1997) dalam menjelaskan lagi konsep *maqasid* syariah ini telah membahagikan pemeliharaan *maqasid* ini kepada tiga tingkatan, iaitu:

- i. *Daruriyyat*: sesuatu yang perlu ada dalam membina asas agama dan dunia, apabila ia hilang, maka kebaikan dunia tidak akan berjalan dengan lancar dan menyebabkan kemusnahan terhadap kehidupan. Penekanan kepada kepentingan asas ini merangkumi unsur pemeliharaan kepada lima asas utama dalam kehidupan melibatkan agama, nyawa (jiwa), akal, keturunan dan kehormatan serta harta.
- ii. *Hajiyyat*: keperluan biasa yang melibatkan sesuatu perkara yang diperlukan oleh manusia untuk mendapat kesejahteraan dalam hidup. Apabila hal ini tidak dipenuhi, manusia akan mengalami kesempitan dan kesulitan bagi melaksanakan sesuatu perkara tersebut.
- iii. *Tahsiniiyyat*: hanya bertujuan sebagai pelengkap untuk kesejahteraan hidup manusia seperti hal-hal yang melibatkan adat, etika dan akhlak.



Sehubungan itu, peraturan dan syarat perkahwinan warga negara asing beragama Islam yang ingin berkahwin di negara ini perlu di nilai atau di ukur menurut konsep *maqasid syariah* ini dengan melihat kebaikan dan juga keburukannya dari sudut *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.

Sebagai contoh, penilaian kerajaan dalam menentukan kategori warga asing yang dibenarkan atau tidak dibenarkan berkahwin perlu diukur melalui konsep *maqasid syariah* iaitu dengan melihat kepentingan *daruri* pembentukan keluarga dari sudut penjagaan agama sebagai asas utama, kemudiannya diikuti dari sudut yang lain seperti penjagaan terhadap keturunan, kehormatan, harta dan sebagainya.

Berikut adalah senarai dokumen yang diperlukan sekiranya rakyat Malaysia mahu berkahwin dengan warganegara asing di Malaysia dan mendaftar perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara (Diyana AR, 2015).

Warga Malaysia:

1. Kad pengenalan asal;
2. Salinan kad pengenalan;
3. Gambar berwarna (ukuran pasport);
4. Dokumen berkaitan sekiranya berstatus duda/janda;
5. Salinan kad pengenalan wali;
6. Salinan kad pengenalan dua orang saksi perkahwinan;
7. Salinan sijil perkahwinan ibu bapa;
8. Sijil kursus pra-perkahwinan;
9. Borang Ujian Saringan HIV dan keputusan ujian HIV;
10. Borang 2C – boleh dapatkan di Jabatan Agama Islam negeri;
11. Borang 1 – hanya jika alamat di kad pengenalan berbeza dengan alamat tempat tinggal terkini dan;
12. Surat pengakuan bujang dari majikan atau Ketua Kampung (lelaki sahaja).

Warganegara asing:

1. Pasport asal;
2. Salinan fotostat maklumat diri;
3. Salinan fotostat maklumat tarikh ketibaan terkini ke Malaysia;
4. Salinan fotostat Visa/Pas yang sah laku;
5. Gambar berwarna (ukuran pasport);
6. Sijil lahir bagi warganegara asing;
7. Salinan kad pengenalan dua orang saksi perkahwinan;
8. Surat Akuan Memeluk Agama Islam atau kad Sijil Pengenalan Saudara Baru yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama;
9. Surat pengesahan taraf perkahwinan;
10. Surat asal dan salinan fotostat;



11. Terjemahan asal oleh jurubahasa bertauliah sekiranya surat bukan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;
12. Tempoh sah laku (enam bulan jika tiada tempoh sah laku);
13. Surat kebenaran menikah daripada pihak kedutaan negara asal di Malaysia;
14. Jika duda/janda, sertakan Akuan Perceraian atau Sijil Kematian pasangan terdahulu;
15. Surat keterangan diri dari pihak agama/berkuasa negara asal (surat izin tumpang menikah di Malaysia);
16. Surat kebenaran untuk berkahwin daripada Jabatan Imigresen kepada pemegang visa/pas pelajar atau pekerja am;
17. Borang Ujian Saringan HIV dan keputusan ujian HIV;
18. Borang 2C – boleh dapatkan di Jabatan Agama Islam negeri dan;
19. Borang 1 – boleh guna alamat bakal pasangan dan dapatkan pengesahan dari Ketua Kampung/Penghulu.

Maklumat tambahan:

1. Warganegara asing tidak diwajibkan hadir atau memiliki sijil kursus pra-perkahwinan dan;
2. Dokumen-dokumen salinan fotostat perlu disahkan oleh pihak berkeelayakan.

Kesemua peraturan tersebut secara asasnya adalah bagi memastikan matlamat (*maqasid*) perkahwinan dan kebajikan setiap pasangan yang berkahwin terjaga dengan adanya dokumen yang sah dan terperinci mengenai pasangan masing-masing.

Aplikasi Kaedah Fiqh dan Usul Fiqh dalam isu Perkahwinan Warga Asing

Kaedah *fiqh* adalah suatu kenyataan yang menyeluruh yang dapat dikenal pasti daripadanya hukum-hukum juzuk-juzuknya Al-Hamawi pula mendefinisikan sebagai hukum majoriti (*aghlabi*) yang boleh diaplikasikan kepada juzuk-juzuk yang berada didalamnya untuk mengetahui hukumnya. Oleh itu, kaedah *fiqh* merupakan suatu kaedah umum yang bersifat menyeluruh ataupun majoriti yang mana daripadanya kita dapat mengetahui hukum-hukum bagi cabang-cabang yang berkaitan dengannya (M. Zaharuddin Zakaria et al., 2016)

Kaedah usul *fiqh* pula bermaksud suatu kaedah yang diaplikasikan oleh seseorang mujtahid untuk mengistinbatkan sesuatu hukum Syarak yang bersifat amali yang diperoleh dari dalil-dalil yang terperinci (Wahbah al-Zuhayli, 2003)

Kepentingan penggunaan kaedah *fiqh* ini dapat dilihat dalam isu-isu pengurusan seperti ia boleh menjadi landasan asas untuk membina objektif dan matlamat yang hendak dicapai serta kaedah untuk mencapai matlamat tersebut. Selain itu, kaedah *fiqh* boleh dijadikan asas untuk membuat keputusan terutama untuk berhadapan dengan masalah serta cabaran baru yang lebih kompleks yang tiada dalil khusus mengenainya daripada sumber-sumber utama syariat Islam.



Sementara kaedah usul *fiqh* pula sangat penting untuk para ulama mujtahid memahami nas-nas syarak dan mengeluarkan hukum daripadanya.

Pengaplikasian kaedah-kaedah *fiqh* dan usul dalam sesuatu isu adalah sesuai untuk mengurus dan memandu urusan agama dan urusan manusia agar diselaraskan dengan keadaan dan masa demi kemaslahatan umat itu sendiri demi mencapai tujuan syariah (*maqasid syariah*).

Terdapat pelbagai kaedah *fiqh* dan usul yang sesuai untuk diaplikasikan dalam isu perkahwinan warga asing di Malaysia, antaranya ialah:

i. Tasarraf al-raiyyah manutun bi al-maslahah

Kaedah *fiqh* ini bermaksud tindakan pemerintah kepada masyarakat yang dipimpinnya mestilah bersandarkan *maslahah*. Pemerintah ialah orang yang berkuasa ke atas orang yang di bawahnya, maka apa-apa tindakan yang dibuat mesti berasaskan kebaikan kepada orang yang dipimpinnya. Sekiranya tiada kebaikan daripada perbuatan tersebut maka syariat Islam tidak memperakukannya sesuai dengan Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin. Seorang raja adalah pemimpin bagi rakyatnya, dan dia akan diminta pertanggungjawaban terhadap yang dipimpin. Seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya, dan ia akan diminta pertanggungjawaban terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya, dan akan diminta pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya. Seorang hamba adalah pemimpin bagi harta tuannya, dan dia juga akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpinnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta pertanggungjawaban atas apa yang kamu pimpin.”

(Riwayat Muslim)

Sekiranya dikaitkan kaedah ini dengan isu perkahwinan warga asing di Malaysia, maka pemerintah dalam merangka dan menggubal undang-undang atau prosedur perlu mengambil kira *maslahah* kepada rakyat bawahannya. Undang-undang tersebut bukan menzalimi mereka tetapi ia melindungi hak mereka dan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Semasa tempoh pandemik baru-baru ini, kerajaan telah memberi kelonggaran kepada warga negara asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini untuk memasuki negara ini di bawah perintah pergerakan pemulihan bersyarat. Anak-anak mereka yang masih belum didaftarkan sebagai rakyat Malaysia juga dibenarkan pulang (Malaysiakini: 2020). Kebenaran tersebut telah memberi *maslahah* kepada pasangan yang terperangkap di luar negara bagi menyelesaikan urusan perkahwinan mereka sebaiknya di negara ini.



ii. *Sadd al-dzari'ah*

Kaedah usul *fiqh* ini bermaksud membendung jalan atau pintu yang membawa kepada kerosakan. Menurut al-Qurtubi (t.th.), *Sadd al-Zariah* ialah perkara yang pada asalnya tidak ditegah melakukannya, namun sekiranya ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan, maka ia ditegah dari melakukannya. Ia dilakukan bagi mengawal dan mencegah sesuatu perkara yang kemungkinan besar boleh membawa kerosakan daripada berlaku.

Sekiranya dikaitkan kaedah ini dengan isu perkahwinan warga asing maka di sana ada beberapa perkara yang perlu diteliti semula dalam prosedur atau undang-undang sedia ada agar ia tidak menjadi sebab untuk warga asing yang datang ke negara ini terutamanya pendatang tanpa izin mempergunakan ketidakseragaman yang ada dalam undang-undang untuk mengahwini wanita tempatan semata-mata untuk mendapat kerakyatan, memudahkan urusan dokumentasi dan tinggal lebih lama dalam negara (Berita Harian, 2017)

Hal ini banyak terjadi terutamanya kepada Warga Asing Pemegang Dokumen Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), di mana dalam peraturannya warga asing pemegang dokumen PLKS ini tidak diterima untuk membuat permohonan kahwin secara prosedur biasa di Pejabat Pendaftar Nikah, Cerai & Rujuk (PNCR). Dengan itu ramai di kalangan mereka berkahwin secara nikah sindiket atau nikah kampung, bagi tujuan mendapatkan pas lawatan sosial suami warga asing yang membolehkan mereka tinggal lebih lama di suatu negeri dan berpeluang mendapatkan lesen perniagaan atas nama isteri. Justeru tidak hairan jika ada lelaki warga asing Pakistan yang sanggup menikahi perempuan yang sudah bergelar nenek (Walid Asyraf, 2019).

Mungkin suatu pindaan kepada peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri-negeri agar suatu perkahwinan dengan warga asing pemegang dokumen PLKS adalah tidak dibenarkan sama sekali bersesuaian dengan kaedah usul *fiqh* ini.

iii. *al-Darar Yuzal*

Kaedah *fiqh* ini bermaksud sesuatu kemudaran perlu dihilangkan. Segala taklif yang disyariatkan dalam Islam tiada sebarang kemudaran dan ia perlu dihindari oleh semua manusia. Setiap orang perlu menghilangkan kemudaran terhadap dirinya, begitu juga dia perlu mengelakkan dari melakukan kemudaran terhadap orang lain. Daripada kaedah ini lahir beberapa kaedah cabang yang terkenal dan sesuai untuk diaplikasikan antaranya kaedah sesuatu kemudaran perlu dibendung dengan semaksimum mungkin, kemudaran yang besar hendaklah dihilangkan dengan kemudaran yang lebih kecil dan kaedah sesuatu kemudaran tidak boleh dihilangkan dengan kemudaran yang sama (M. Zaharuddin Zakaria et al., 2016).

Sekiranya dikaitkan kaedah *fiqh* ini dengan isu perkahwinan warga asing maka suatu kajian dan penilaian perlu dibuat untuk memastikan kemudaran daripada perkahwinan seumpama ini dapat dihindari sama ada dengan melonggarkan beberapa syarat dalam urusan perkahwinan atau meneruskan penguatkuasaan terhadap undang-undang sedia ada dengan mendahulukan kemudaran yang lebih kecil daripada kedua-dua alternatif tersebut.



Dalam isu poligami misalnya, walaupun pandangan isteri pertama tidak diperlukan oleh suami yang ingin berpoligami, tetapi ianya sangat penting untuk diambil perhatian oleh suami, bagi mengelakkan mudarat perbalahan dan pergaduhan yang lebih besar. Persetujuan dan pendapat dari isteri pertama adalah satu cara untuk mewujudkan suasana harmoni di dalam poligami. Oleh itu dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 23 (5) dinyatakan bahawa Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, dan mana-mana orang lain yang difikirkan oleh Mahkamah boleh memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup, dan Mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati –

- a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandang kepada, antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;
- b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;
- c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak; dan
- d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan *darar syari'e* kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.

iv. La Yunkar taghayyur al-ahkam bitaghayyur al-azman

Kaedah *fiqh* ini bermaksud tidak diingkari berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa. Menurut Mustafa al-Zarqa' (2009), perkara ini (perubahan hukum disebabkan perubahan masa) merupakan suatu perkara yang diperakukan, diterima pakai lagi sabit. Ia merupakan *sunnatullah* dalam *pensyariat* kepada hamba-hamba-Nya. Sesungguhnya ketika bermulanya penciptaan manusia dan keadaan pada ketika itu dalam suasana kesempitan disebabkan sedikitnya bilangan zuriat, Allah S.W.T membenarkan pernikahan seorang perempuan dengan adik beradik lelakinya, serta memberikan keluasan dalam beberapa perkara. Hukum tersebut kekal sehinggalah keturunan semakin banyak dan meluas, lalu perkahwinan antara adik beradik kandung diharamkan pada ketika itu.

Sekiranya dikaitkan kaedah *fiqh* ini dengan isu perkahwinan warga asing maka perubahan yang berlaku sama ada melibatkan perubahan adat setempat, perbezaan mazhab, keperluan masyarakat dan lain-lain yang tidak bertentangan dengan syariat Islam boleh diambil kira dalam menetapkan prosedur perkahwinan yang berlaku di kalangan warga asing sesama mereka atau dengan orang tempatan.



Sebagai contohnya, perbezaan tafsiran dan susunan wali antara mazhab perlu diambil kira dalam mengesahkan suatu perkahwinan antara warga asing yang berkahwin dengan lelaki tempatan, walaupun susunan wali yang diiktiraf di Malaysia adalah berdasarkan mazhab imam al-Syafie. Toleransi dan fleksibiliti dalam isu ini akan memudahkan sesuatu perkahwinan yang berlaku di kalangan warga asing di negara ini atau dengan orang tempatan.

Kesimpulan

Secara amnya pengurusan perkahwinan di Malaysia (termasuk kepada warga asing yang menetap di negara ini) telah melihat pelbagai aspek dan pertimbangan dalam memastikan pendaftaran perkahwinan warganegara dan pemastautin di Malaysia teratur dan bersistematik serta hukum syarak juga terjaga. Usaha-usaha penyelarasan terus dilakukan walaupun setiap negeri mempunyai kuasa autonomi menetapkan dasar, perundangan dan garis panduan berhubung isu pendaftaran perkahwinan dan perceraian masyarakat pelarian Islam di Malaysia. Sungguhpun begitu, masih ada lagi ruang-ruang yang boleh diperbaiki sepertimana yang dinyatakan dalam beberapa contoh kes di atas. Ia akan memastikan pentadbiran dan pengurusan perkahwinan warga asing di Malaysia lebih kemas dan memudahkan dengan mengambil kira hubungan antara beberapa prinsip urus tadbir dalam Islam seperti *siyasa syariyyah*, keperluan piawaian *maqasid Syariah*, prinsip *usul fiqh* dan kaedah *fiqh* yang sesuai berdasarkan faktor bilangan warga asing yang kian meningkat, tempoh bermastautin yang lama di Malaysia, hak kanak-kanak dan pasangan yang berkahwin di kalangan warga asing dan masalah-masalah sosial yang mungkin akan timbul. Adalah menjadi harapan, dengan mengikut garis panduan yang betul dan kebijaksanaan pemerintah menggariskan pelan tindakan maka sebarang permasalahan dan kemelut yang berlaku dapat di atasi dengan sebaiknya.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian di bawah geran penyelidikan FRGS yang bertajuk “Pengurusan Perkahwinan Warga Negara Asing Beragama Islam Di Wilayah Persekutuan: Permasalahan Dan Cadangan Penyelesaian” yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan nombor pendaftaran, FRGS/1/2019/SSI10/USIM/03/1 utk KPT dan USIM/FRGS/FSU/055002/53319 untuk USIM.

Rujukan

- Abdul Wahab Khallaf. (1982). *Siyasa Syariyyah Aw Nizam al-Daulah Islamiyah Fi Syuun al-Dusturiyah wa al-Kharijiah wa al-Maliyah*; Kaherah, Dar al-Ansar.
- Ahmad al-Raisuni. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi*, Beirut: al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim Musa al-Gharnati. (1996). *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*, Beirut : Dar al-Ma'rifah.



- Diyana AR. (2015). *Senarai Dokumen Kahwin Dengan Warga Asing Di Malaysia*. <https://www.thevocket.com/senarai-dokumen-kahwin-dengan-warga-asing-di-malaysia/> Diakses 18 Okt 2022.
- Garis Panduan Bagi Prosedur Pentadbiran Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'. (t.th). Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti. JAKIM.
- Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir. (1998). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. T.tpt: al-Basair li al-Intaj al-'Ilmi.
- M. Zaharuddin Zakaria et al., (2016). *Al-Madkhal ila al-Qawaid al-Fiqhiyah*. Nilai. Penerbit USIM.
- Malaysiakini. (2020). *Pasangan Warga Asing Kahwin Dengan Rakyat Malaysia Dibenar Masuk Negara*. <https://www.malaysiakini.com/news/531289> Diakses 18 Okt 2022.
- Mamat, Z & Razali, M. R. (2020). *Management of Marriage within the Rohingya Community in Malaysia from the Perspectives of Law and Sharia*. Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia, 32(2).
- Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Shah Alam: Hizbi Sdn.Bhd..
- Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi. (T.th). *Al-Jami'li Ahkam al-Qur'an*. juz. 2, Kaerah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab
- Mustafa al-Zarqa. (2009). *Syarah Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*, Beirut. Dar al-Qalam.
- Otman Lisut et al., (2017). Rujuk pihak berkuasa sebelum kahwin warga asing dlm Berita Harian.
- Tan Pok Suan. (2006). *Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam Ketidakpastian Hidup*. Jurnal AKADEMIKA. Bangi: UKM.
- Wahbah al-Zuhayli. (2003). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Walid Asyraf. (2019). *Maqasid Hukum Pengesahan Nikah Bukan Warganegara di Mahkamah Syariah Negeri Sabah*. <https://kamarsyarie.wordpress.com/2019/12/06/maqasid-hukum-pengesahan-nikah-bukan-warganegara-di-mahkamah-syariah-negeri-sabah/> Diakses pada 19 Oktober 2022.
- Wartawan Berita Harian. (2017). *Rujuk Pihak Berkuasa Sebelum Kahwin Warga Asing*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/280556/rujuk-pihak-berkuasa-sebelum-kahwin-warga-asing>. Diakses pada 23 April 2022.
- Wartawan Malaysiakini. (2011). *Gadis Mohon Bantuan Untuk Kahwin Jejaka Burma*. <https://www.malaysiakini.com/news/166332>. Diakses pada 22 April 2022.
- Wartawan Utusan Malaysia. (2017). *Asal Nampak Alim Boleh Jadi Jurunikah*. <http://www.utusan.com.my/berita/utama/video-derita-rohingya-asal-nampak-alim-boleh-jadi-jurunikah-1.467326>. Diakses pada 22 April 2022.

* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on AL-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. AL-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.